



SIARAN AKHBAR
HARI CELIK KEWANGAN KEBANGSAAN 2026
(*NATIONAL FINANCIAL LITERACY DAY 2026*)

1. Sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2026, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) akan mengadakan acara selama tiga hari yang merangkumi Jerayawara Kesedaran Kewangan dan Taklimat Kewangan, bermula hari Rabu, 2 September 2026 sehingga hari Jumaat, 4 September 2026. Bertemakan "Tabiat Kewangan Bijak, Kesejahteraan Kewangan Lebih Kukuh", acara ini bertujuan untuk menggalakkan tabiat kewangan yang bijak dan memperluas akses kepada pengetahuan kewangan.
2. NFLD merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh BDCB sejak tahun 2015, dengan sokongan Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan industri kewangan. NFLD bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan pengurusan kewangan yang bijak serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di negara ini. Ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperkasa individu dan masyarakat di seluruh Negara Brunei Darussalam dalam membuat keputusan kewangan yang bermaklumat dan mencapai kesejahteraan kewangan yang lebih baik.
3. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Jerayawara Kesedaran Kewangan yang akan diadakan mengikut jadual berikut:

JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN [DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI]		
Tarikh	Jam	Tempat
Rabu, 2 September 2026	9.00 pagi – 5.00 petang	Atrium, The Mall, Gadong
Khamis, 3 September 2026	9.00 pagi – 5.00 petang	
Jumaat, 4 September 2026	9.00 pagi – 11.30 pagi; 2.30 petang – 5.00 petang	

4. Jerayawara tersebut akan menghimpunkan pelbagai institusi kewangan dan rakan strategik, termasuk Tabung Amanah Pekerja (TAP), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), serta wakil-wakil daripada sektor perbankan, takaful dan insurans, perkhidmatan pasaran modal dan pembayaran.
5. Melalui pameran interaktif, aktiviti kewangan dan sesi khidmat nasihat, orang ramai berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan agensi dan institusi yang terlibat serta mendapatkan maklumat dan panduan praktikal untuk membantu mereka membuat keputusan kewangan yang lebih bermaklumat. Pengunjung boleh mempelajari cara mengurus kewangan dengan lebih baik, memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengguna kewangan, meneroka pilihan takaful, insurans, simpanan dan pelaburan, menggunakan pembayaran digital dengan selamat serta melindungi diri daripada penipuan kewangan. Pemilik dan pengusaha perusahaan mikro, kecil dan



sederhana (PMKS) juga boleh mempelajari cara-cara untuk membantu mengurus kewangan perniagaan dengan lebih baik.

6. Di samping Jerayawara tersebut, BDCB juga akan mengadakan Taklimat Kewangan bagi peserta-peserta jemputan daripada agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan institusi pengajian tinggi. Taklimat tersebut akan menyetengahkan dua topik utama. Achieving Financial Freedom akan memberikan panduan praktikal mengenai simpanan, perbelanjaan, pengurusan hutang, perancangan kewangan jangka panjang, takaful dan insurans serta pelaburan. Digital Scams Awareness pula akan menyetengahkan taktik penipuan terkini serta langkah-langkah praktikal untuk melindungi diri dalam persekitaran kewangan yang semakin berteraskan digital. Sesi-sesi tersebut akan disokong oleh Cyber Security Brunei (CSB) dan Financial Planning Association of Brunei Darussalam (FPAB).
7. Untuk maklumat lanjut mengenai NFD 2026, orang ramai bolehlah melayari www.bdcg.gov.bn atau mengikuti akaun Instagram @centralbank.brunei dan @usinwise.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 13 Rabiulawal 1448H / 26 Ogos 2026M

Rujukan: BDCB/COMMS/